

Buku Kerja Aktiviti Murid bagi



Peringkat 4



Berdasarkan Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

✝ Penerbitan Buku Kristian

SAMPLE

Buku Kerja Aktiviti Murid

bagi Peringkat 4

Berdasarkan

Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

Hak cipta



Diterbitkan buat kali yang pertama di Malaysia pada 2024 oleh
Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta © 2024 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada **ALKITAB VERSI BORNEO**. Hak cipta © 2016 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran daripada Borneo Sabda Limited.

Hak cipta terpelihara.

Isi Kandungan

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1	Cerita Penciptaan	4
Pelajaran 2	Taman Eden	6
Pelajaran 3	Adam dan Hawa	8
Pelajaran 4	Kain dan Habel	10
Pelajaran 5	Nuh Membina Bahtera	12
Pelajaran 6	Banjir Besar	14
Pelajaran 7	Menara Babel	16
Pelajaran 8	Abram dan Panggilan Tuhan	18
Pelajaran 9	Abram dan Lut	20
Pelajaran 10	Janji seorang Anak Lelaki	22
Pelajaran 11	Abraham dan Perjanjian Tuhan	24
Pelajaran 12	Abraham merayu bagi pihak Sodom	26
Pelajaran 13	Apa yang berlaku di Sodom dan Gomora	28
Pelajaran 14	Ujian bagi Abraham	30

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15	Ishak dan Ribka	32
Pelajaran 16	Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung	34
Pelajaran 17	Perjalanan Yakub	36
Pelajaran 18	Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban	38
Pelajaran 19	Yakub kembali ke Kanaan	40
Pelajaran 20	Yusuf dan Abang-abangnya	42
Pelajaran 21	Yusuf dan Potifar	44
Pelajaran 22	Orang Tahanan dan Erti Mimpi	46
Pelajaran 23	Si Tukang Mimpi dan Raja	48
Pelajaran 24	Orang Tahanan menjadi Perdana Menteri	50
Pelajaran 25	Masalah Yakub	52
Pelajaran 26	Pertemuan dan Perdamaian Keluarga	54
Pelajaran 27	Penghujung Kejadian - Puak Menjadi Bangsa	56

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1: CERITA PENCIPTAAN

Tema:

1. Hanya Tuhan Pencipta yang layak menerima penyembahan kita.
2. Tuhan itu sempurna.

Tujuan Pelajaran:

Sembahlah Tuhan Pencipta dan marilah kita mengingati akan kebenaran-Nya.

Petikan Alkitab:

Kej 1:1 – 2:3



Pelajari

Kunci Pelajaran

1. Hanya ada satu Tuhan yang menciptakan Alam Semesta.
2. Ketika Alam Semesta diciptakan, ia dihakimi Tuhan sebagai baik. Perkataan ini menunjukkan kepuasan hati dan kegembiraan Tuhan dengan dunia yang telah diciptakan-Nya. Ianya sempurna.

Ayat Hafalan:

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.”
Kejadian 1:1

Kuiz pantas:

1. Seluruh alam semesta, termasuk kamu dan saya:
 - a. diciptakan oleh Tuhan
 - b. wujud secara kebetulan
2. Pada mulanya ketika Tuhan menciptakan alam semesta,
 - a. dosa tidak wujud.
 - b. dosa telah pun wujud.
3. Tuhan telah menciptakan seluruh alam semesta selama enam hari. Berapa banyakkah perkara yang kamu dapat lakukan dalam seminggu? Tuliskannya di sini:

Senarai pantas:

Tuliskan perkara-perkara yang Tuhan ciptakan pada enam hari yang pertama.

Hari 1:

Hari 2:

Hari 3:

Hari 4:

Hari 5:

Hari 6:

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 2: TAMAN EDEN

Tema:

1. Ianya adalah tanggungjawab kita untuk menjaga dunia Tuhan.
2. Tuhan gemar bersekutu dengan kita.

Tujuan Pelajaran:

Menjaga dunia Tuhan dan mentaati firman-Nya kepada kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 2:4-25



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Manusia diciptakan dengan kebolehan dan tanggungjawab yang istimewa. Kita diberikan nafas Tuhan untuk hidup dan diciptakan dalam gambar-Nya. Kita diberikan tanggungjawab untuk menjaga ciptaan-Nya.
2. Tuhan mengasihi umat manusia. Selepas Dia menjadikan lelaki dan perempuan, Dia menjaga mereka dan membuat perjanjian yang pertama dengan umat manusia. Adam dan Hawa boleh tinggal di syurga Eden selagi mereka mentaati Tuhan.

Ayat Hafalan:

“Apabila aku melihat langit-Mu, hasil kerja jari-Mu, bulan dan bintang, yang Kautentukan, apakah manusia maka Engkau mengingatnya, dan anak manusia maka Engkau mengendahnya?”
Mazmur 8:3-4

Apakah pendapat kamu?

Bincangkan soalan-soalan ini bersama kumpulan kamu:

1. Bolehkah binatang-binatang menjaga tumbuhan-tumbuhan?
 Ya Tidak
2. Bolehkah tumbuh-tumbuhan menjaga binatang-binatang?
 Ya Tidak
3. Manusia boleh menjaga tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang.
 Ya Tidak
4. Mengapakah Tuhan inginkan kita untuk menjaga dunia yang telah diciptakan-Nya?

Apakah yang kamu jaga?

Adakah kamu mempunyai haiwan peliharaan? Atau adakah kamu menanam pokok di rumah? Lukiskan binatang atau pokok yang kamu jaga:

Bagaimana kamu menjaganya?

Tahukah kamu?

Beberapa perkara yang kita lakukan pada hari ini adalah berbahaya kepada hidupan lain dan diri kita sendiri. Bolehkah kamu senaraikannya dalam carta di bawah?

Berbahaya bagi diri kita	Berbahaya bagi bumi, haiwan, tumbuhan, dll.
Contoh: Merokok	Contoh: Sisa toksik

Fikirkan SATU perkara yang kamu boleh lakukan untuk menjaga dunia Tuhan.

Tugas Diraja:

Tuhan Allah menciptakan Adam dan menempatkannya di _____ untuk _____ dan _____ nya. (Kejadian 2:15)

Tugas yang diberikan oleh Tuhan Allah kepada Adam ialah sebuah tugas diraja! Sebagai anak-anak Tuhan, kita juga ditugaskan dengan tugas diraja ini! Dapatkan seorang pasangan dan kemukakan satu rancangan pantas tentang bagaimana kamu boleh melakukan tugas diraja daripada Tuhan Allah ini. Rancangan kamu seharusnya menjawab soalan-soalan ini:

- Apakah yang kamu akan jaga? Di manakah ia? Cth. Taman di gereja.
- Bagaimanakah kamu melakukannya? Cth. Kami akan mengambil giliran untuk menyiram dan menjaga pokok-pokok di sana.
- Selama manakah kamu dan pasangan kamu akan melakukannya? Cth. Kami akan melakukannya bersama-sama selama sebulan.
- Akhirnya, tuliskan nama kamu dan nama pasangan kamu dan tandatangannya.

Tindakan:

Adakah ianya tanggungjawab kita untuk menjaga dunia Tuhan? Mengapa?

Pada pendapat kamu, apakah yang dimaksudkan dengan menjaga dunia Tuhan?

Doa: Ya Tuhan, tolong ajarkan saya bagaimana menjaga ciptaan-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 3: ADAM DAN HAWA

Tema:

Tuhan menginginkan persekutuan kita dan ketaatan kita kepada-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Untuk memiliki persekutuan dengan-Nya, kita perlu mempelajari hukum-Nya dan mentaati-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 3:1-24



Pelajari

Kunci Pelajaran

1. Tuhan dijelaskan dalam Alkitab sebagai suatu yang bersifat rohani dan peribadi. Biarpun Dia sangat berkuasa, Dia bersekutu dengan kita di peringkat peribadi.
2. Tuhan memberikan manusia kebebasan untuk memilih. Ketaatan membawa kepada kehidupan. Ketidaktaatan membawa kepada penghakiman dan perpisahan dengan Tuhan.

Ayat Hafalan:

Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.
Roma 6:23

Cari dan Temui: *Cari perkataan-perkataan ini di bawah.*

ULAR
BAIK
KEBIJAKSANAAN
DIPERDAYA
SUSAH-PAYAH
TERKUTUK
POKOK
JAHAT
TELANJANG
MELAHIRKAN
HAWA
PEDANG

J	A	H	A	T	O	P	L	K	J	G	G	F	D	S
D	F	V	U	M	I	X	Z	A	R	T	N	N	S	T
R	F	T	D	I	P	E	R	D	A	Y	A	S	T	E
I	Y	U	S	B	U	T	I	D	F	A	D	P	E	R
S	N	K	A	T	S	W	T	P	N	F	E	O	R	T
H	A	W	A	E	T	U	L	A	R	R	P	U	K	G
R	K	K	T	L	A	I	S	B	A	S	C	I	U	V
T	R	I	R	A	R	K	W	A	I	A	T	N	T	B
I	I	O	E	N	A	I	T	M	H	E	U	R	U	S
E	H	P	W	J	R	T	E	I	P	P	Y	B	K	C
T	A	T	I	A	E	U	D	A	R	T	A	D	I	U
R	L	B	Y	N	R	U	I	S	E	I	G	Y	O	I
C	E	G	T	G	P	O	K	O	K	I	S	P	A	W
K	M	S	O	P	I	J	F	G	S	P	U	D	I	H

Salah siapa?

Adam dan Hawa saling menyalahkan antara satu sama lain ketika berhadapan dengan Tuhan. Pada pendapat kamu siapakah yang memegang tanggungjawab yang paling besar dalam kejadian ini? Tuhan? Ular? Adam? Hawa? Mengapa? Bincangkan dengan guru kamu.

Mengenal pasti suara-suara:

Dapatkan kamu mengenal yang mana satukah suara Tuhan dan yang manakah suara Iblis? Isikan tempat kosong.

1. Jom meniru ketika peperiksaan kamu supaya kamu boleh mendapat markah yang tinggi!
2. Pastikan kamu tidak berbohong kepada guru kamu jika kamu tidak menyiapkan kerja rumah kamu.
3. Kadang-kala, kamu boleh berbohong putih.
4. Tidak salah untuk membenci seseorang yang memberi layanan yang buruk kepada saya.
5. Seseorang tertinggalan RM500 dalam laci, saya perlu berikan kepada rumah anak-anak yatim.

Mengenal pasti suara Tuhan:

Adakalanya, kamu mendapati diri kamu melakukan perkara yang tidak betul seperti mencuri, berbohong, membenci orang lain, bergosip, dll. Pada pendapat kamu apakah kesannya jika kamu terus melakukan perbuatan-perbuatan ini?

Tindakan yang salah	Akibatnya

Tindakan:

Kita sering kali berfikir bahawa kita boleh menipu orang lain. Tetapi kita lupa kita tidak dapat menipu Tuhan, kerana Dia ialah Tuhan yang maha tahu.

Adakah terdapat sesuatu yang kamu cuba untuk menyembunyikan daripada orang lain? Tuliskannya di atas sehelai kertas yang kecil, lipatkannya, gamkannya, dan berikannya kepada guru anda untuk disimpan. Tiada seorang pun yang seharusnya membukanya untuk melihat.

Berdoa untuk kekuatan untuk berhadapan dengannya dan satu hari nanti apabila kamu sudah bersedia, minta guru kamu membukanya dan berdoa tentangnya bersama-sama dengan kamu.

Doa: Ya Tuhan, terima kasih kerana mengasihi saya biarpun Engkau ialah Tuhan yang sangat berkuasa. Bantulah saya untuk mengenal suara-Mu dan perintah-Mu dan mentaati-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 4: KAIN DAN HABEL

Tema:

Tuhan memberikan kita peluang untuk bertaubat.

Tujuan Pelajaran:

Perhatikan sikap kita terhadap Tuhan ketika kita mengetahui bahwa kita telah berdosa terhadap-Nya.

Petikan Alkitab:

Kej 4:1-26



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Kain diberikan amaran untuk mentaati Tuhan. Tetapi dia menolak untuk mendengarnya dan ini membawanya untuk melakukan dosa yang teruk iaitu membunuh.
2. Tuhan ialah hakim yang melihat segalanya. Dia ingin memastikan kita bertanggungjawab akan semua tindakan kita. Kain berfikir tidak ada yang melihat kesalahannya, tetapi Tuhan melihatnya dan menghukum Kain.

Ayat Hafalan:

Dan berbelas kasihlah antara satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus. Efesus 4:32

Apa yang telah berlaku?

Baca cerita tentang Kain dan Habel. Kemudian jawab soalan-soalan di bawah:

Persembahan Kain kepada Tuhan:

Persembahan Habel kepada Tuhan:

Siapakah yang diterima oleh Tuhan?

Apakah yang dilakukan oleh Kain terhadap Habel?

Perasaan dan fikiran Kain:

Masa untuk Bertindak! Dapatkan pasangan. Kamu akan melakukan sebuah pantomim. Setiap pasangan perlu mengajarkan kelas satu pelajaran daripada cerita ini (cth. Memberikan yang terbaik kepada Tuhan, jangan bertindak ketika marah.) Peraturan: 1) Kamu boleh menggunakan jalan cerita berdasarkan cerita Kain dan Habel. 2) Kamu mestilah hanya menggunakan tindakan sahaja. Bercakap adalah tidak dibenarkan. Orang lain di dalam kelas itu perlu meneka pelajaran kamu.

Wahai Diari:

Fikirkan sebuah peristiwa di mana kamu melakukan sesuatu yang tidak baik kepada seseorang yang rapat dengan kamu dan tuliskannya seperti yang ditunjukkan di dalam contoh:

Wahai Diari,
Hari ini saya melakukan sesuatu yang tidak baik kepada kakak saya. Saya memang tidak begitu menyukainya sejak mula lagi. Dia bertindak seolah-olah dia mengetahui semuanya untuk menyenangkan ibu bapa kami dan mendapatkan semua kasih dan perhatian mereka. Saya benci cara dia bercakap! Semua yang saya lakukan tidak betul atau tidak penting! Saya sangat membencinya, sebab itu saya membuang peralatan soleknya di lubang tandas ... Jamie

Benci Iwn. Sayang:

Tahukah kamu bahawa membenci seseorang menggunakan lebih banyak tenaga daripada mengasihi seseorang? Seberapa banyakkah peratusan benci dan sayang yang kamu miliki untuk orang yang kamu tuliskan?

% benci

% sayang

Sebanyak manakah peratusan benci dan sayang yang kamu fikirkan Tuhan inginkan agar dimiliki oleh kamu untuk orang itu?

% benci

% sayang

Tindakan:

Jika semua orang dalam dunia ini membenci semua orang lain, dan jika kita semua melakukan yang jahat terhadap sesama, apakah yang akan berlaku kepada dunia? Adakah kamu masih ingin tinggal dalam dunia yang seperti itu? Jika tidak, apakah yang kamu dapat lakukan untuk mengelakkannya daripada berlaku?

Dan adakah kamu sanggup untuk mengambil langkah untuk mengasihi dan memaafkannya?

Ya

Tidak

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk mengasihi orang lain seperti Engkau telah mengasihi saya. Bantulah saya untuk bermula dengan _____ (nama seseorang). Terima kasih. Dalam nama-Mu, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 5: NUH MEMBINA BAHTERA

Tema:


Tuhan memanggil orang yang setia untuk melakukan kehendak-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Tetaplah setia kepada Tuhan biarpun ketika orang lain tidak setia kepada-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 6 dan 7



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Nuh tidak pernah membina sebuah Bahtera sebelum ini. Satu-satunya kelayakannya untuk tugas yang besar ini adalah kerana dia mempunyai iman dan dia mengasihi Tuhan. Kerana hal ini, Tuhan telah memilihnya untuk menyelamatkan ciptaan.

Ayat Hafalan:

Hanyalah Dia batu pejal dan penyelamatanku; Dialah yang melindungiku, maka aku tidak akan digulingkan.
Mazmur 62:2

Dosa di dunia kita:

Guntingkan dari surat khabar atau majalah apa-apa gambar atau tajuk tentang pelbagai dosa dan jenayah (cth. Rompakan, pengabaian anak-anak, membunuh.) Lekatkannya pada separuh kertas bersaiz A4. Pada separuh yang lain, lekatkan atau lukiskan gambar atau perkataan tentang bagaimana kamu boleh menunjukkan kasih Tuhan dalam dunia ini. (cth. Melindungi binatang, membantu orang miskin, berkelakuan baik)

Contoh:

Dosa-dosa dunia

Perbuatan yang penuh kasih

Berhati-hati, dosa boleh berjangkit!

Berjangkit bermaksud, apabila sesuatu itu bermula, ia sangat sukar untuk dihentikan. Fikirkan tentang satu masa di mana kamu mengejek rakan kamu. Apakah yang berlaku selepas itu? Mungkin, rakan kamu itu terus mengejek kamu semula dan kamu menjadi marah. Dosa ialah seperti satu penyakit yang tersebar dengan pantas.

Semenjak zaman Adam dan Hawa, manusia terus berbuat dosa lagi dan lagi sehingga Tuhan memutuskan untuk memusnahkan semua manusia kecuali Nuh dan keluarganya.

Apakah dosa-dosa yang berjangkit?

Petunjuk: Susun semula huruf-huruf ini untuk membuat perkataan-perkataan dan frasa-frasa yang betul.

reBobngho

enMypanmi ndemad

meCurub



enMumyahp

emMalbas ndedam

erBosipg

Apakah yang berharga bagi kamu?

Berikut adalah beberapa perkara yang mungkin di antara yang paling penting dalam hidup kita. Isi tempat kosong untuk mengetahui apakah ia. Yang mana satukah yang PALING penting bagi kamu? Warnakannya dengan warna kegemaran kamu. Kemudian, beritahu kepada kelas mengapa ianya penting bagi kamu.



Fikirkan tentangnya: Semua yang disebutkan di atas adalah perkara kebendaan dan fizikal. Adakah ia akan kekal untuk selama-lamanya atau adakah ia sementara? Adakah terdapat perkara lain yang kekal untuk selama-lamanya yang lebih penting daripada semua ini? Bincangkan dengan guru kamu.

Tindakan: Menangani pengaruh rakan sebaya

Tuliskan tiga perkara buruk yang rakan kamu pernah minta kamu lakukan sebelum ini. Adakah kamu melakukannya pada akhirnya? Tuliskan 'Ya' atau 'Tidak'.

Lakukan sebuah keputusan – bulatkan jawapan kamu:

Saya memilih untuk: mengikuti rakan saya ketika mereka melakukan yang jahat / menjadi seperti Nuh dan mengikuti Tuhan.

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk setia kepada-Mu biarpun jika orang lain mentertawakan saya. Dalam nama Yesus, Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 6: BANJIR BESAR

Tema:

Tuhan menghukum dosa.

Tujuan Pelajaran:

Meminta pengampunan daripada Tuhan dan berpaling daripada dosa-dosa kita.

Petikan Alkitab:

Kejadian 7:16 - 9:17



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Dosa membawa kepada penghakiman daripada Tuhan tetapi kesetiaan membawa kepada penyelamatan. Tuhan menyelamatkan mereka yang percaya kepada-Nya.
2. Cerita Nuh ialah gambaran tentang Yesus. Yesus adalah seperti Nuh dan Bahtera yang menyelamatkan mereka yang setia dan yang mengikutinya. (1 Petrus 3:20).

Ayat Hafalan:

Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara di antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia
1 Timotius 2:5-6

Ketahui ceritanya:

Selepas membaca petikan Alkitab, adakah kamu mengenali cerita ini? Susun garis masa ini dengan betul dengan menuliskan nombor 1 - 9.

1. Akhirnya, air surut dan puncak gunung kelihatan.
2. Nuh memberikan persembahan kepada Tuhan.
3. Banjir meliputi setiap makhluk hidup yang bergerak di daratan.
4. Tuhan membuat satu perjanjian dengan Nuh bahawa semua hidupan tidak akan dimusnahkan oleh banjir lagi dan meletakkan pelangi di langit sebagai tanda janji ini.
5. Nuh menghantar seekor gagak dan ia kembali; kemudian dia menghantar seekor merpati sehingga akhirnya ia tidak kembali lagi.
6. Air membanjiri bumi selama seratus lima puluh hari.
7. Tuhan memerintahkan Nuh membawa keluarganya dan semua ciptaan untuk keluar daripada bahtera itu.
8. Tuhan memberitahu Nuh bahawa semua yang hidup dan bergerak adalah makanan untuk mereka.
9. Hujan melanda bumi selama empat puluh hari.

Mengatakan 'Maaf':

Berikut adalah contoh bagaimana manusia bertindak apabila mereka melakukan suatu kesalahan. Yang manakah yang merupakan cara yang betul untuk meminta maaf? Warnakan segi empat yang kamu setuju. Bincangkan dengan guru dan kelas kamu.

A

Becky terpijak kasut Alan; dia merenung Alan dan meninggalkannya tanpa berkata apa-apa.

B

Jonathan melihat sebatang pen baru di atas meja Gill dan dia membawanya pulang. Keesokan harinya dia membawanya kembali kepada Gill dan meminta maaf kerana bersikap tamak

C

Hubert berasa sangat marah dan meninggikan suara kepada Kate ketika dia kehilangan anak anjingnya. Kate menangis dan berlari meninggalkannya.

D

Amy sedang bermain bola keranjang dan dia secara tidak sengaja terpecahkan tingkap jiran. Amy segera datang ke rumah itu untuk menekan loceng rumah dan meminta maaf kepada mereka.

E

John pulang sangat lewat daripada sebuah pesta. Ketika dia sampai di rumah dia melihat ibunya menunggunya di ruang tamu. Dia tidak mengatakan apa-apa kepada ibunya dan terus ke biliknya untuk tidur.

F

Jessie berbohong kepada ibu bapanya bahawa dia pergi ke perpustakaan tetapi sebaliknya, dia pergi membeli-belah. Ketika ibunya menelefonnya, dia berkata dia sedang berehat di kantin.

Tindakan:

Kita seharusnya meminta maaf apabila kita menyakiti seseorang atau melakukan kesalahan. Mengapa? Supaya kita dapat membina semula dan menguatkan persahabatan kita dengan orang itu. Adakah terdapat seseorang yang kamu perlu meminta maaf? Tuliskan nama mereka _____. Ianya serupa dengan meminta maaf kepada Tuhan untuk dosa-dosa kita. Apabila kita meminta pengampunan daripada Tuhan, kita dapat menikmati persekutuan dan kasih-Nya dalam hidup kita. Tuhan mengampuni kita kerana Anak-Nya Yesus yang menyelamatkan kita seperti Bahtera itu menyelamatkan Nuh.

Doa: Ya Tuhan, bantulah saya untuk mengakui dosa-dosa saya kepada-Mu kerana Engkau ialah Tuhan yang pengasih dan pengampun. Terima kasih untuk Yesus, yang seperti Bahtera yang menyelamatkan saya. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 7: MENARA BABEL

Tema:

Bersikap angkuh dan tidak mentaati Tuhan membawa penghakiman.

Tujuan Pelajaran:

Untuk mengenal pasti keangkuhan dalam hidup kita dan untuk menyerahkan rancangan kita kepada Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 11:1-9



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Umat manusia tidak mentaati Tuhan dengan menolak untuk terserak dan memenuhi bumi. Sebaliknya mereka membina sebuah menara dalam penentangan Tuhan. Tuhan menghakimi mereka kerana keangkuhan mereka dengan menggagalkan rancangan mereka.

Ayat Hafalan:

“Keangkuhan mendahului kehancuran, dan hati yang sombong mendahului kejatuhan.”
Amsal 16:18

Gangguan komunikasi!

Bolehkah anda bayangkan betapa kelim kabutnya ketika semua orang di Babel mula bercakap dalam bahasa yang berlainan? Bentuk kumpulan yang terdiri daripada tiga atau empat ahli dan cuba untuk ketahui apakah maksud yang berikut. Tanyakan kepada orang sekeliling atau gunakan penterjemah Google di Internet.

“你吃饱了吗？” _____ (Bahasa Cina)

“これはいくらですか？” _____ (Bahasa Jepun)

“초콜릿” _____ (Bahasa Korea)

“frei” _____ (Bahasa German)

“petualangan” _____ (Bahasa Indonesia)

Cuba Ini: Cari pasangan. Pilih satu bahasa bagi setiap orang, cth. Kamu bercakap dalam Bahasa Inggeris dan pasangan kamu bercakap dalam Bahasa Malaysia, Cina atau lain-lain bahasa yang mereka ketahui. Kemudian, berbual tentang apa yang kamu lakukan pada hujung minggu. Setiap daripada kamu perlu bertanya dan menjawab hanya dalam bahasa yang kamu pilih! Adakah mudah untuk berbicara dengan cara ini?

Manusia boleh merancang, tetapi Tuhan boleh menolaknya:

Orang Babel membina menara itu untuk kemasyhuran dan kemuliaan mereka. Tetapi Tuhan tidak membenarkan mereka berjaya kerana mereka tidak mentaati-Nya. Orang-orang yang angkuh akan jatuh. Terdapat lapan perkataan yang salah dalam perenggan di bawah. Bulatkannya dalam perenggan itu dan tuliskannya di sebelah perkataan yang betul dari senarai di bawah.

Semua binatang membicarakan rumah yang sama. Orang-orang berpindah dan tinggal di tanah Singapura. Mereka mempunyai rancangan bersama dan memberitahu antara satu sama lain, “Jom, mari bina sebuah taman untuk diri kita sendiri dengan satu mangkuk yang menyentuh lautan. Ini akan menjadikan kita terkenal dan memastikan kita tidak dipukul ke seluruh dunia.” Tuhan menghentikan mereka dengan mengelirukan bahasa mereka dan kota itu dipanggil Boggle.

- | | |
|-------------------------------|---------------------|
| 1. (orang) - _____ | 2. (bahasa) - _____ |
| 3. (Babel) - _____ | 4. (kota) - _____ |
| 5. (menara) - _____ | 6. (langit) - _____ |
| 7. (dipisah-pisahkan) - _____ | 8. (Babel) - _____ |

Tindakan: Mengenal pasti keangkuhan

1. Pada pendapat kamu mengapakah Tuhan menghentikan orang-orang itu daripada membina menara itu?

Orang Babel angkuh dengan cara mereka sendiri (menara mereka) dan bukan mengikut jalan Tuhan (untuk memenuhi bumi). Dalam hal apakah yang kamu mahu lakukan mengikut cara kamu sendiri?

Adakah kamu mempunyai sebuah menara Babel dalam hati kamu? Apakah yang akan kamu lakukan tentangnya?

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk melibatkan Engkau dalam rancangan saya, dan untuk melepaskan rancangan yang tidak menyenangkan bagi-Mu. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 8: ABRAM DAN PANGGILAN TUHAN

Tema:

Abram mentaati Tuhan tetapi dia juga mengalami keraguan dan ketakutan dan berdosa kerana berbohong.

Tujuan Pelajaran:

Mentaati panggilan Tuhan dan mempercayai-Nya sepanjang masa.

Petikan Alkitab:

Kejadian 12:1-20



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Perjanjian Tuhan untuk menjadikan sebuah bangsa yang besar kini bersama dengan Abram. Abram mentaati panggilan Tuhan untuk meninggalkan rumahnya yang selesa untuk ke Tanah yang Dijanjikan, biarpun dia mengetahui kehidupan pastinya sukar.
2. Biarpun Abram tidak seharusnya berbohong tentang isterinya Sarai kepada Firaun di Mesir, Tuhan masih melindunginya. Abram akan belajar daripada pengalaman ini untuk mempercayai Tuhan dengan sepenuhnya.

Ayat Hafalan:

Aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus. Filipi 3:14

Apakah yang Tuhan beritahukan kepada Abram? *Tafsir kod ini.*

1. "Pergilah daripada kotamu, orang-orangmu dan `::(/ [%]/ ::</ {}/ {=}` _____ ayahmu ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu."
2. "Aku akan membuat kamu menjadi suatu bangsa yang besar. Aku akan `::</ {+}/ ::</ {./} {+}/ ::(/ {~/} {}/ (!)/ {>}` _____ kamu dan menjadikan namamu hebat. Kamu akan menjadi suatu keberkatan"
3. "Aku akan memberkati mereka yang memohonkan berkat bagi engkau, dan Aku akan mengutuk mereka yang `::</ {+}/ ::"/ {"}/ [%]/ (!)/ [%]/ {~}` _____ engkau. Melalui engkau, semua kaum di bumi akan diberkati."
4. "Aku akan memberikan negeri ini kepada `{~/} {+}/ (!)/ [%]/ ::(/ [%]/ ::"/ {}/ ::"` _____mu."


Key: {} A {./} B {@} C {-} D {+} E {:} F {"} G {=} H {>} I {:} J {~} K ::> L ::< M
::" N ::- O ::+ P ::) Q ::(R ::= S (!) T [%] U ::* V ::& W ::# X :>< Y #^~ Z

Mengapa Abram berbohong?


Jika Abram cukup mempercayai Tuhan untuk meninggalkan rumahnya yang selesa untuk perjalanan ke negeri yang tidak dikenali, mengapakah dia berbohong tentang isterinya Sarai kepada Firaun? Mungkin Abram masih berasa takut. Bagaimana dengan kamu – apakah yang kamu lakukan apabila kamu berasa takut?

Dalam dua bulatan yang pertama ini, tuliskan dua perkara yang kamu akan lakukan apabila kamu berasa takut.

Dalam dua bulatan yang seterusnya, tuliskan yang bertentangan dengan apa yang kamu tuliskan dalam dua bulatan yang pertama.



Bulatan yang manakah yang kamu akan pilih jika kamu mempercayai Tuhan? Warnakan dengan warna kuning.



KERJA BERKUMPULAN:

Bahagikan kepada beberapa kumpulan dan sediakan jawapan bagi soalan ini: **Jika Firaun berasa marah apabila dia mengetahui bahawa Sarai ialah isteri Abram, pada pendapat kamu apakah yang Firaun akan lakukan kepada Sarai jika Abram berterus-terang daripada awal bahawa Sarai ialah isterinya?** Apabila kumpulan anda telah memutuskan satu jawapan, bentangkannya kepada guru kamu dan kumpulan-kumpulan yang lain. Lihat jika semua kumpulan mempunyai jawapan yang berbeza atau sama.

Tindakan:

Adakalanya, kita boleh bermula dengan baik seperti Abram, penuh dengan iman dan sanggup untuk pergi. Tetapi di tengah-tengah perjalanan, kesukaran akan timbul. Kita mungkin cenderung untuk mengawal situasi seperti Abram, dengan berbohong atau menggunakan cara kita sendiri. Namun begitu, Tuhan mahukan kita untuk mempercayai-Nya (bulatkan jawapan kamu):

Separuh jalan

Dengan sepenuhnya

Dua pertiga

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk percaya kepada-Mu biarpun dalam waktu sukar. Ampuni saya apabila saya memilih cara saya sendiri. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 9: ABRAM DAN LUT

Tema:

Tuhan ialah yang melindungi dan menyediakan bagi umat-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk bergantung kepada Tuhan dan bukan hanya kepada kekayaan dan kuasa duniawi.

Petikan Alkitab:

Kej 13:1 – 14:24



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Abraham seorang yang lemah-lembut dan membiarkan Lut memilih tanah yang terbaik.
2. Abram tidak takut kepada musuhnya biarpun mereka lebih ramai daripada orang-orangnya. Dia mengalahkan Raja-raja Utara dalam peperangan dan membawa pulang harta rampasan dan tawanan.
3. Abram menolak tawaran Raja Sodom untuk menyimpan harta rampasan itu. Dia tidak memerlukan bantuan daripada raja-raja yang jahat. Tuhan ialah yang menyediakan baginya dan sekutu yang paling hebat.
4. Abram memuliakan Tuhan dengan memberikan sepersepuluh kepada Raja Melkisedek.

Ayat Hafalan:

“Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki.”
Lukas 12:15

Betul atau Salah:

1. Abram, isterinya dan Lut meninggalkan Mesir tanpa apa-apa. ()
2. Abram memberitahu Lut, “Kalau kamu ke kiri, saya akan ke Kanan. Jika kamu ke kanan, saya akan ke kiri.” ()
3. Lot akhirnya tinggal di Salem. ()
4. Sodom dan Gomora dipenuhi dengan orang-orang yang baik. ()
5. Abram mengumpulkan 500 orang terlatih untuk menyelamatkan Lut. ()
6. Melkisedek, Raja Salem dan seorang imam, meninggikan Tuhan kerana memberkati Abram dengan kemenangan. ()
7. Sepersepuluh daripada barangan diberikan sebagai satu persembahan disebutkan di sini (Kejadian 13:1 – 14:24) untuk kali yang pertama dalam Alkitab. ()

Jadual Keperibadian:

Berikut ialah jadual yang menunjukkan keperibadian Abram dan Lut. Terdapat tiga kategori bagi setiap watak iaitu masalah, pilihan, dan sikap. Di bawah setiap kategori, senaraikan sebanyak mana contoh yang kamu mampu berdasarkan cerita ini. Kemudian bandingkan keperibadian mereka.

Watak	Abram	Lut
Masalah		
Pilihan		
Sikap		

Bagaimana dengan kamu? Semak sendiri:

Apakah jenis keputusan-keputusan yang kamu lakukan? Letakkan 'X' dalam kotak-kotak di bawah untuk ayat yang menggambarkan kamu.

- Saya membenarkan rakan saya, atau adik-beradik saya, untuk membuat pilihan terlebih dahulu.
- Saya mahukan semua barang yang menarik yang dimiliki oleh rakan saya.
- Saya menyimpan baki wang saku saya dan tidak membelanjakannya untuk permainan dan peralatan yang mahal.
- Saya menjauhkan diri daripada orang yang sering mencuri, berbohong, dan meniru.
- Saya tidak dapat hidup tanpa komputer, PlayStation atau telefon bimbit saya.
- Saya cemburu akan rakan saya yang lebih baik daripada saya.

Tindakan:

Betapa berbezanya Abram yang sekarang berbanding dengan cerita minggu lepas di mana dia berbohong kepada Firaun! Abram kini mempercayai Tuhan dan dia tidak kisah membiarkan Lut memilih tanah yang terbaik. Dia maju berperang hanya dengan beberapa orang tentera. Dan dia tidak mengambil harta kekayaan daripada Raja Sodom. Sebaliknya, dia memberikan semula kepada Tuhan sepersepuluh daripada semua yang dimilikinya.

Pada pendapat kamu, mengapakah dahulu Abram berbohong kepada Firaun dan kini dia mula percaya kepada Tuhan?

Doa: Ya Tuhan Yesus, ketika saya dicubai untuk bersikap tamak atau takut, bantulah saya untuk mengingati cara bagaimana Engkau telah menyediakan bagi Abram dan bagaimana Engkau memberkatinya dengan kemenangan. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 10: JANJI SEORANG ANAK LELAKI

Tema:

Tuhan menggenapi janji-janji-Nya pada waktu-Nya sendiri.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk menanti dan mempercayai Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 15 & 16



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Tuhan berjanji kepada Abram bahawa dia akan memiliki seorang waris. Sementara Abram sanggup untuk menunggu Tuhan untuk berpegang pada janji-Nya, Sarai menjadi tidak sabar dan memutuskan untuk melakukannya mengikut caranya. Ini hanya menyebabkan masalah-masalah kerana Ismael bukanlah anak yang dijanjikan. Tuhan akan menggenapi janji-Nya pada waktu-Nya sendiri.


Ayat Hafalan:

Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil. Lukas 1:37

Rancangan yang dijanjikan:


Pada mulanya, Abram mempercayai Tuhan. Tetapi kemudian dia bersetuju kepada cadangan Sarai untuk memiliki anak melalui hambanya, Hagar. Adakah ini menunjukkan bahawa Abram tidak percaya kepada Tuhan dengan sepenuhnya? Sarai kejam terhadap Hagar, yang melarikan diri. Selepas itu, selepas Tuhan berbicara kepada Hagar, Hagar kembali. Abram, Sarai dan Hagar, kesemuanya perlu belajar untuk mempercayai Tuhan. Bantu mereka melalui laluan ini untuk kembali kepada Tuhan.

TUHAN




Mempercayai Tuhan memerlukan latihan!

Seperti yang kita telah lihat dalam cerita Abram setakat ini, dia telah mempelajari berulang-ulang kali untuk mempercayai Tuhan. Sediakan satu peringatan untuk kamu dengan menggunakan bahan-bahan seni dan kraf yang guru kamu sediakan. Gantungkan peringatan kamu di tempat di mana kamu dapat melihatnya pada setiap hari.



Tindakan:

Dalam situasi apakah yang kamu rasakan sangat sukar untuk bersikap sabar? Tuliskan satu perkataan atau lukiskan sesuatu daripada situasi-situasi itu dalam bulatan di bawah.



Bagaimanakah kamu mengetahui kamu dapat mempercayai Tuhan? Kamu perlu mengenal-Nya dengan membaca firman-Nya, Alkitab. Maka kamu akan mengetahui bagaimana Dia berpegang pada janji-janji-Nya, seperti yang Dia akan lakukan seterusnya dalam cerita Abram.

Buat satu rancangan: Saya bercadang untuk membaca Alkitab saya _____ (sekerap mana).

Doa: Ya Tuhan Yesus, saya ingin mengenal-Mu lebih lagi supaya saya dapat membina kepercayaan saya kepada-Mu. Bantulah saya untuk membaca Firman-Mu. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 11: ABRAHAM DAN PERJANJIAN TUHAN

Tema:

Tuhan membuat sebuah Perjanjian yang formal dengan Abraham.

Tujuan Pelajaran:

Apabila Tuhan berjanji untuk memberkati kita, kita perlulah melakukan bahagian kita dengan mentaati-Nya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 17



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Janji asal Tuhan disahkan dalam sebuah Perjanjian yang formal. Abram dan Sarai diberikan nama yang baru – Abraham dan Sarah. Sebahagian daripada Perjanjian ini memerlukan Abraham untuk melakukan sesuatu yang berisiko – penyunatan.


Ayat Hafalan:

Oleh sebab itu ketahuilah bahawa TUHAN, Allahmu, Dia Allah, Allah yang setia, yang berpegang teguh pada perjanjian, dan menunjukkan rahmat-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya serta yang berpegang teguh pada perintah-perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan. Ulangan 7:9

Perjanjian yang Baru:

Lengkapkan teka silang kata ini.

1. Nama Abram yang baru
2. Tuhan berkata kepada Abraham, "Aku akan menjadikan kamu _____ bagi banyak bangsa."
3. Ini ialah sebuah perjanjian yang _____ di antara aku dan kamu, dan semua keturunan selepas kamu
4. Setiap lelaki perlu _____.
5. Nama baru Sarai.
6. "... Sarah, isterimu, akan _____ seorang anak lelaki bagimu."



Respon Abraham:

Dalam bab ini, kita boleh melihat cara Abraham bertindak kepada perintah Tuhan. Tuliskan bagaimana tindakan Abraham dalam situasi-situasi ini.

Situasi	Bagaimanakah tindakan Abraham?	Bincangkan dengan seorang pasangan
<p>1. Tuhan memberitahu Abraham bahawa dia dan isterinya akan mempunyai seorang anak lelaki.</p> <p>2. Tuhan meminta Abraham untuk menandakan perjanjian itu dengan menyunatkan semua lelaki</p>		<p>Adakah mempunyai seorang anak pada usia mereka yang sudah tua boleh terjadi tanpa Tuhan?</p> <p>Mengapakah ianya suatu yang berisiko untuk dilakukan?</p>

Bandingkan semua jawapan kamu dengan rakan sekelas yang lain. Adakah kamu membuat kesimpulan yang sama?

Dalam hidup kamu:

Situasi	Apakah yang kamu akan lakukan?
<p>1. Kamu marah kepada ibu bapa kamu dan kamu berasa seperti ingin meninggikan suara kepada mereka.</p> <p>2. Berkelakuan baik terhadap seorang rakan sekelas yang kamu tidak sukai</p>	

Tindakan:

Permainan: Minta seorang sukarela untuk memimpin semua orang melakukan satu set perbuatan bermula dengan secara perlahan, kemudian semakin laju dan semakin laju. Contoh: menyentuh hidung, menggoyang-goyangkan kaki, bertepuk tangan, dan banyak lagi. Ketua haruslah melakukan perbuatan sebanyak yang dia mampu dan yang lain perlu mengikutinya. Putuskan satu denda untuk mereka yang tidak mengikuti ketua itu.

Adakah ianya mudah untuk mengikuti perbuatan-perbuatan ini dengan pantas?
Ya / Tidak

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk mengikuti-Mu biarpun apabila jalan-Mu sukar. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 12: ABRAHAM MERAYU BAGI PIHAK SODOM

Tema:

Tuhan memberitahu Abraham rancangan-Nya supaya Abraham akan mengajarkan anak-anak-Nya jalan-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Berdoa kepada Tuhan untuk orang yang memerlukan.

Petikan Alkitab:

Kejadian 18



Pelajari

Kunci Pelajaran:

1. Tuhan berbicara kepada Abraham seperti seorang rakan, ketika memberitahunya tentang rancangan-Nya.
2. Tuhan menghargai kehidupan manusia. Tuhan datang untuk melihat sendiri betapa berdosa Sodom sebelum menghukum kota itu. Dia membenarkan Abraham untuk berunding untuk menyelamatkan Lut.

Ayat Hafalan:

“Aku telah memilih dia agar dia memerintahkan anak-anak serta kaum keluarganya untuk memelihara jalan TUHAN dengan melakukan yang benar dan adil. Dengan demikian, TUHAN memenuhi apa yang telah dijanjikan-Nya kepada Abraham.”
Kejadian 18:19

Abraham merayu bagi pihak Sodom:

Gunakan kunci yang diberikan untuk mengisi kotak di bawah dengan huruf-huruf yang betul.

Abraham berulang-ulang kali meminta Tuhan menyelamatkan orang-orang yang _____.










  
 [b] [] [n] [] []

Hubungan seperti apakah yang dimiliki oleh Tuhan dan Abraham?

    
 [p] [] [] [j] [] [n] [j] [] [] [n]

Orang-orang yang seperti apakah yang tinggal di Sodom?

   
 [j] [] [] [] []

	[w]		[r]
	[a]		[t]
	[i]		[s]
	[h]		[e]
	[c]		[d]

Siapa? Apa? Di mana? *Bulatkan jawapan yang betul.*

1. Tuhan muncul di hadapan Abraham berhampiran dengan (laut / pokok-pokok/ bukit) di Mamre.
2. Abraham bergegas pergi kepada Sarah dan memintanya untuk menyediakan (madu / tepung) yang terbaik untuk membuat sedikit (kek / biskut / roti).
3. Tuhan berkata seruan terhadap (Sodom dan Gomora/ Sodom dan Yordan/ Sodom dan Mamre) sangat kuat.
4. Berapa kalikah dalam cerita ini Abraham merayu kepada Tuhan bagi orang-orang benar di Sodom? (lima / enam / tiga)

Ya dan Tidak!

Lukiskan satu bentuk hati di sekeliling doa yang pada pendapat kamu menyenangkan Tuhan. Lukiskan 'X' di atas doa yang mementingkan diri.

Tuhan, berikanlah saya keberanian.

Tuhan, saya telah habis menggunakan wang saku saya...tolong beritahu ibu saya untuk berikan saya lebih banyak lagi!

Tuhan, bantulah mereka yang sedang menderita ...

Tuhan, tolong ampuni orang yang membenci saya ...

Tuhan, tolong berikan makanan kepada orang yang lapar.

Tuhan, balas dendam untuk saya!

Fikirkan: Apakah maksud merayu? Semak dari kamus bersama guru kamu. Bagaimanakah merayu berbeza dengan hanya meminta sesuatu? Kemudian fikirkan cara bagaimana Abraham merayu kepada Tuhan untuk orang-orang yang benar.

Tindakan:

Adakah kamu mengetahui sesiapa yang sedang memerlukan? Ia mungkin adalah rakan di sekolah, seorang saudara atau seorang jiran. Ia juga mungkin seseorang yang kamu tidak kenali tetapi baca di surat khabar. Terdapat ramai orang di sekeliling dunia yang menderita akibat perang, kebuluran, ketagihan dadah, pemerdagangan orang dan dosa-dosa lain di dunia.

Bincangkan dengan guru kamu tentang penderitaan-penderitaan ini. Apabila kamu pulang ke rumah, minta ibu bapa kamu membantu kamu mencari artikel dalam surat khabar tentang orang-orang yang sedang menderita. Berdoa untuk mereka bersama ibu bapa kamu.

Doa:

Ya Tuhan Yesus, bantulah _____ Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 13: APA YANG BERLAKU DI SODOM DAN GOMORA

Tema:

Tuhan menyelamatkan yang benar tetapi menghukum yang jahat.

Tujuan Pelajaran:

Jangan berpaut pada kejahatan dan kesejahteraan material, dan ambil serius akan firman Tuhan

Petikan Alkitab:

Kej 19:1-29



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Sodom akan dimusnahkan kerana orang-orangnya yang berdosa. Tetapi Lut ragu-ragu untuk meninggalkannya. Pemusnahan Sodom dan penyelamatan Lut menunjukkan penghakiman Tuhan. Dia menyelamatkan yang benar tetapi menghukum yang jahat. Isteri Lut tidak taat kerana dia mencintai kesejahteraan material dengan lebih lagi.

Ayat Hafalan:

Penyelamatan orang yang benar adalah daripada TUHAN; Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan. Mazmur 37:39

Kota Sodom:

Mengapakah Tuhan ingin memusnahkan seluruh kota itu?


Siapakah yang Tuhan ingin selamatkan?

Siapakah yang berpendapat Lut sedang bergurau ketika dia berkata Tuhan akan memusnahkan kota itu?

Malaikat memberitahu Lut dan keluarganya untuk tidak _____ dan untuk tidak _____ di mana-mana.

Siapakah yang selamat pada akhirnya?





Isteri Lut:

Apakah yang terjadi kepadanya? _____
_____ Isteri Lut telah diberikan amaran untuk tidak menoleh ke belakang tetapi dia tetap melakukannya kerana:

- Dia ingin tahu
- Dia tidak sanggup meninggalkan semua harta kekayaannya
- Dia tidak sengaja menoleh ke belakang

Drama – Jangan menoleh ke belakang!

Lantik dua orang penjaga daripada kelas kamu. Kemudian, bahagikan yang lain kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan berbaris di hujung yang bertentangan dalam bilik itu. Satu kumpulan menghadap ke dinding. Kumpulan yang satu lagi perlu mencuba untuk membuatkan ahli dalam kumpulan yang pertama itu berpusing dan melihat mereka dengan melakukan sesuatu yang lucu-lucu atau mengujakan, atau dengan melaungkan nama mereka dan mengatakan sesuatu yang menarik. Apa sahaja yang mereka lakukan, kumpulan yang pertama tidak boleh menoleh. Penjaga-penjaga itu akan memerhati untuk memanggil mereka yang menoleh. Lihat kumpulan mana yang letih dahulu!



Tindakan:

Apakah perkara atau kebiasaan buruk yang kamu tidak dapat lepaskan pada masa ini?
Contoh: Permainan video atau komputer, berasa cemburu kepada orang lain, ...

Fikirkan: Bagaimana hidup kamu berubah jika kamu meninggalkan perkara-perkara ini?

Doa: Ya Tuhan Yesus, bantulah saya untuk meninggalkan perkara-perkara yang tidak baik untuk saya. Apabila saya melakukannya, bantulah saya untuk tidak menoleh ke belakang lagi. Amin.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 14: UJIAN BAGI ABRAHAM

Tema:

Tuhan menyediakan apabila kita percaya kepada-Nya.

Tujuan Pelajaran:

Belajar untuk mengutamakan Tuhan melebihi segala-galanya.

Petikan Alkitab:

Kejadian 21:1 - 20, 22:1 - 19



Pelajari

Kunci Pelajaran:

Kelahiran Ishak membawa ketegangan di antara Hagar dan Sarah. Abraham risau akan Ismael, tetapi Tuhan memberitahu Abraham untuk melakukan seperti yang dicadangkan oleh Sarah. Tuhan akan menyediakan bagi Ismael. Kesanggupan Abraham untuk mentaati Tuhan dan mengorbankan Ishak adalah bukti bahawa dia mengutamakan Tuhan melebihi segala-galanya dalam hidupnya.

Ayat Hafalan:

TUHAN cahayaku dan penyelamatanku - siapa perlu kutakuti? TUHAN kekuatan hidupku - siapa harus aku gentar? Mazmur 27:1

Apakah yang hilang?

Cari bahagian yang hilang dalam gambar di bawah dan lukiskannya.



Padankan nombor dengan huruf:

- | | |
|---|---|
| 1. Seperti yang Tuhan janjikan kepada Abraham sebelumnya, | a. Tuhan Menyediakan. |
| 2. "Janganlah bersusah hati kerana anak itu dan ibunya. | b. Dengarlah apa yang Sarah katakan kepadamu kerana melalui Ishaklah keturunanmu akan mewarisi Perjanjian ini." |
